

## **Annex 2k : PENGAWASAN DAN PEMERHATIAN KONTAK COVID-19 BAGI MENCEGAH PENULARAN JANGKITAN DALAM KOMUNITI**

### **1.0 Pengenalan**

Berdasarkan subseksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], mana-mana pegawai diberikuasa boleh memerintahkan kontak iaitu mana-mana orang yang telah terdedah atau mungkin telah terdedah kepada risiko dijangkiti Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19, termasuk mana-mana orang yang baru tiba dari sesuatu kawasan jangkitan (berdasarkan tafsiran di bawah seksyen 2 Akta 342), supaya menjalani pengawasan dan pemerhatian di mana-mana tempat yang difikirkannya patut sehingga mereka boleh dilepaskan dari pengawasan dan pemerhatian tanpa membahayakan orang ramai.

Bagi tujuan pematuhan tersebut, kontak ini akan diberikan surat perintah pengawasan dan pemerhatian (*home surveillance order* – HSO) seperti di Lampiran 1.

Terdapat beberapa kategori kontak yang akan diberikan surat perintah pengawasan dan pemerhatian (HSO). Kontak-kontak tersebut adalah:

- a) mana-mana warganegara, pemastautin tetap Malaysia, ekspatriat atau kor diplomatik atau mana-mana orang asing lain yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah Imigresen memasuki Malaysia dari luar negara;
- b) kontak rapat kepada kes positif;
- c) individu yang tinggal dalam kawasan yang dilaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) atau perintah kawalan pergerakan lain seperti diarahkan DAN diambil sampel; atau

- d) individu yang diberi perintah pengawasan dan pemerhatian oleh pegawai diberikuasa, contohnya individu yang pulang dari kawasan berisiko tinggi berlaku penularan jangkitan seperti yang diumumkan oleh Kerajaan.

## 2.0 Pemakaian Gelang Pengawasan (*Wristband*)

Mana-mana individu yang diberikan HSO ini **hendaklah dipakaikan gelang pengawasan** bagi memudahkan pengenalpastian individu ini di lapangan sekiranya individu ini keluar dari premis yang ditetapkan untuk pengasingan.

Arahan pemakaian gelang pengawasan bagi kategori (a) di atas adalah berdasarkan subperaturan 8(3) Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 8) (2020) [*P.U.(A) 254/2020*].

Manakala keperluan pemakaian gelang pengawasan ke atas kategori (b), (c) dan (d) adalah berdasarkan syarat dalam perintah yang dikeluarkan oleh pegawai diberi kuasa di bawah seksyen 15 Akta 342.

## 3.0 Kesalahan Individu Memakai Gelang Pengawasan

- 3.1 Bagi mana-mana warganegara, pemastautin tetap Malaysia, ekspatriat atau kor diplomatik atau mana-mana orang asing lain yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah Imigresen yang baru masuk ke Malaysia dan telah diarahkan untuk tinggal di stesen kuarantin atau dibenarkan menjalani pengawasan dan pemerhatian di tempat kediaman iaitu kategori (a) dan didapati tidak mematuhi Peraturan 8(3) merupakan satu kesalahan di bawah peraturan 11(1) Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 8)

(2020). Kesalahan ini merupakan kesalahan yang boleh dikompaun tidak melebihi RM1,000.

- 3.2 Bagi kategori (b), (c) dan (d) yang didapati melanggar perintah pegawai diberikuasa, merupakan kesalahan di bawah seksyen 22(b) Akta 342 yang merupakan kesalahan yang boleh dikompaun di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengkompaunan Kesalahan-kesalahan) (Pindaan) (No. 12) (2020) [*P.U.(A) 308/2020*] tidak melebihi RM 1000.00. Jika didapati bersalah dan disabitkan kesalahan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau didenda di bawah seksyen 24(a) Akta 342.

#### **4.0 Tempoh Pengawasan dan Pemerhatian**

Kementerian Kesihatan Malaysia telah menetapkan mana-mana individu yang diletakkan di bawah pengawasan dan pemerhatian kerana risiko jangkitan COVID-19 dikuarantin selama **14 hari dari tarikh akhir pendedahan**.

Pengiraan hari pertama adalah hari terakhir pendedahan kepada risiko jangkitan, tanpa mengambil kira waktu ia berlaku. Contohnya ketibaan seorang individu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dari luar negara adalah pada 12 Oktober 2020 jam 8.00 malam. Hari pertama HSO adalah pada 12 Oktober 2020.

#### **Contoh pengiraan:**

- a) Seorang individu pulang dari luar negara dan tiba di pintu masuk antarabangsa negara (PMA) pada 1 November 2020 jam 10.00 malam. Pengiraan tempoh 14 hari adalah seperti di rajah di bawah:

Bil. Hari	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	
Haribulan	01-Nov	02-Nov	03-Nov	04-Nov	05-Nov	06-Nov	07-Nov	08-Nov	09-Nov	10-Nov	11-Nov	12-Nov	13-Nov	14-Nov	15-Nov

Tempoh HSO individu ini adalah dari 1 November sehingga 14 November 2020 (hanya mengira tarikh ketibaan di Malaysia sahaja tanpa mengira waktu).

- b) Seorang individu pulang dari luar negara dan tiba di pintu masuk antarabangsa negara (PMA) pada 4 November 2020 jam 11.59 malam. Pengiraan tempoh 14 hari adalah seperti di rajah di bawah:

Bil. Hari	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Haribulan	04-Nov	05-Nov	06-Nov	07-Nov	08-Nov	09-Nov	10-Nov	11-Nov	12-Nov	13-Nov	14-Nov	15-Nov	16-Nov	17-Nov
	,@ 11.59 mlm													

Tempoh HSO individu ini adalah dari 4 November sehingga 17 November 2020 (hanya mengira tarikh ketibaan di Malaysia sahaja tanpa mengira waktu ketibaan).

- c) Seorang individu pulang dari luar negara dan tiba di pintu masuk antarabangsa negara (PMA) pada 30 November 2020 jam 12.01 pagi. Pengiraan tempoh 14 hari adalah seperti di rajah di bawah:

Bil. Hari	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Haribulan	30-Nov	01-Dec	02-Dec	03-Dec	04-Dec	05-Dec	06-Dec	07-Dec	08-Dec	09-Dec	10-Dec	11-Dec	12-Dec	13-Dec
	,@ 12.01 pagi													

Tempoh HSO individu ini adalah dari 30 November sehingga 13 Disember 2020 (hanya mengira tarikh ketibaan di Malaysia sahaja tanpa mengira waktu ketibaan).

- d) Seorang individu A merupakan kontak kepada seorang kes positif COVID-19. Kes tersebut disahkan pada 14 Oktober 2020. Individu

A dilaporkan telah berjumpa kes COVID-19 tersebut dalam satu mesyuarat yang dipengerusikannya pada 10 Oktober 2020. Tiada sejarah kontak selepas tarikh bermesyuarat itu.

Pegawai diberikuasa (PDK) telah berjumpa dengan individu A pada 16 Oktober 2020.

Tempoh HSO bagi individu A ini adalah dari 16 Oktober sehingga 23 Oktober 2020.

Bil. Hari		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Haribulan	9 Okt	10 Okt	11 Okt	12 Okt	13 Okt	14 Okt	15 Okt	16 Okt	17 Okt	18 Okt	19 Okt	20 Okt	21 Okt	22 Okt	23 Okt
		Ber-mesyuarat				Disahkan positif COVID		Berjumpa PDK							

- e) Senario (d) di atas; tetapi pegawai diberikuasa dapat berjumpa kontak ini pada 23 Oktober 2020, iaitu hari ke-14 dari tarikh pendedahan.

Tindakan yang perlu diambil adalah:

- i) mengambil ujian COVID-19 menggunakan RTK Ab.
  - ii) Sekiranya keputusan RTK Ab adalah positif,
    - a) gelang pengawasan akan dipakaikan;
    - b) surat perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah (HSO) akan diserahkan; dan
    - c) ujian Rt-PCR akan dilakukan dan prosedur seterusnya mengikut SOP sedia ada.
  - iii) Sekiranya keputusan RTK Ab negatif, HSO dan gelang pengawasan tidak perlu diberikan kepada individu ini kerana telah tamat tempoh inkubasi COVID-19.
- f) Senario (d) di atas; tetapi pegawai diberikuasa dapat berjumpa kontak ini pada 25 Oktober 2020, iaitu hari ke-16 dari tarikh pendedahan.

Tindakan yang perlu diambil adalah:

- i) ujian COVID-19 menggunakan RTK Ab akan diambil.
- ii) Sekiranya keputusan RTK Ab adalah positif,
  - a) gelang pengawasan akan dipakaikan;
  - b) surat perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah (HSO) akan diserahkan; dan
  - c) ujian Rt-PCR akan dilakukan dan prosedur seterusnya mengikut SOP sedia ada.
  - d) Sekiranya Rt-PCR negatif, surat pelepasan HSO akan diserahkan.
  - e) Penilaian risiko jangkitan ke atas ahli keluarga akan dibuat sekiranya individu ini berada di rumah semasa tempoh 14 hari dari tarikh pendedahan tersebut.
- iii) Sekiranya keputusan RTK Ab negatif, HSO dan gelang pengawasan tidak perlu diberikan kepada individu ini kerana telah tamat tempoh inkubasi COVID-19.

- g) Seorang individu telah datang berjumpa pegawai diberikuasa pada 1 November 2020. Dia mengaku dia mempunyai kontak dengan seorang kes positif. Apakah yang anda akan lakukan?

Tindakan yang perlu diambil adalah:

- i) Berikan surat perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah (HSO). Memandangkan dia tidak ingat tarikh pendedahan dengan kes positif, tarikh kuarantin adalah bermula dari tarikh dia berjumpa pegawai diberikuasa; iaitu 1 November 2020 sehingga 14 November 2020.

Bil. Hari	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	
Haribulan	01-Nov	02-Nov	03-Nov	04-Nov	05-Nov	06-Nov	07-Nov	08-Nov	09-Nov	10-Nov	11-Nov	12-Nov	13-Nov	14-Nov	15-Nov

- ii. Berikan surat/nota arahan mengambil sampel ujian COVID-19 di klinik kesihatan bagi membolehkan kes ini mendapat peremitan fi bagi ujian tersebut.

## **RUJUKAN**

1. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*].
2. Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 8) (2020) [*P.U.(A) 254/2020*].
3. Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengkompaunan Kesalahan-kesalahan) (Pindaan) (No. 12) (2020) [*P.U.(A) 308/2020*].
4. *Guidelines COVID-19 Management in Malaysia* No. 05/2020; edaran 25 Mac 2020.
5. Garis Panduan Pengurusan COVID-19 versi 5: Pindaan 6; edaran 5 Oktober 2020.

## Surat Perintah Pengawasan dan Pemerhatian dari Annex 14 Garis Panduan Pengurusan COVID-19 Versi 5

ANNEX 14b



### KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**Fail Rujukan:**

Pejabat Kesihatan Daerah / Pejabat Kesihatan Pintu Masuk / Hospital

.....

No. Telefon: .....

**Kepada:**

Nama: .....

No. Kad Pengenalan/Pasport: .....

Alamat Kuarantin: .....

.....

No. Telefon di Malaysia: .....

Nama & No. Telefon waris di Malaysia:.....

Negara yang dilawati (jika berkaitan):.....

**Perintah Pengawasan Dan Pemerhatian Bagi Kontak Jangkitan Penyakit Korona Virus 2019 (COVID-19) Di Bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]**

1. Dalam menjalankan kuasa di bawah seksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], saya ....., Pegawai Diberi Kuasa yang dilantik menurut seksyen 3 Akta 342 memerintahkan Tuan/Puan untuk menjalani pengawasan dan pemerhatian di premis seperti alamat di atas dengan syarat-syarat yang dinyatakan di perenggan 2, 3, 4 dan 5 perintah ini dan syarat lain yang dinyatakan dalam borang *Home Assessment Tool* selama ..... hari bermula pada ..... (*tarikh perintah dikeluarkan*) sehingga ..... (*tarikh hari ke-14 dari tarikh pendedahan terakhir / tarikh tiba dari kawasan jangkitan / tarikh pegawai diberikuasa bertemu tuan/puan*) atau suatu tempoh yang diarahkan oleh Pegawai Diberi Kuasa ("tempoh pengawasan dan pemerhatian").

2. Tuan/Puan dikehendaki sentiasa memakai gelang tangan yang dibekalkan oleh Pegawai Diberi Kuasa sepanjang tempoh pengawasan dan pemerhatian serta memastikan gelang tangan tersebut sentiasa berada dalam keadaan baik dan sempurna. Sekiranya gelang tangan tersebut rosak, tuan/puan hendaklah dengan segera melaporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) paling hampir dan mendapatkan gelang tangan gantian. Tuan/Puan hendaklah tidak menanggalkan, memotong atau merosakkan gelang tangan tersebut. Gelang tangan tersebut hanya boleh ditanggalkan



oleh Pegawai Diberi Kuasa selepas Tuan/Puan mendapat surat pelepasan perintah pengawasan dan pemerhatian.

3. Tuan/Puan hendaklah dengan seberapa segera memuat turun aplikasi MySejahtera atau aplikasi lain yang ditetapkan oleh Kerajaan ke dalam telefon bimbit pintar atau apa-apa peranti lain sama ada yang didaftarkan atas nama tuan/puan atau di bawah kawalan tuan/puan dan hendaklah memastikan telefon bimbit atau peranti tersebut sentiasa berada bersama tuan/puan dan berada dalam mod aktif sepanjang masa sepanjang tempoh pengawasan dan pemerhatian. Tuan/Puan hendaklah memastikan segala maklumat yang dikemukakan oleh Tuan/Puan dalam aplikasi MySejahtera adalah tepat dan benar.

4. Sepanjang tempoh Tuan/Puan diletakkan di bawah pengawasan dan pemerhatian, Tuan/Puan dikehendaki mematuhi perintah ini dan syarat-syarat yang terkandung di dalamnya dan memantau kesihatan diri menggunakan borang *Home Assessment Tool* (Lampiran 1) yang dilampir bersama perintah ini.

5. Sekiranya Tuan/Puan adalah penjaga yang sah kepada kanak-kanak di bawah umur lapan belas (18) tahun atau orang kelainan upaya (OKU), Tuan/Puan hendaklah mengemukakan maklumat kanak-kanak di bawah umur lapan belas (18) tahun atau orang kelainan upaya (OKU) tersebut dalam Lampiran 2 dan memastikan orang di bawah jagaan Tuan/Puan mematuhi perintah ini dan syarat-syarat yang terkandung di dalamnya.

6. Kegagalan Tuan/Puan untuk mematuhi perintah ini dan syarat-syarat yang terkandung di dalamnya adalah merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 22 Akta 342 dan sekiranya disabitkan dengan kesalahan boleh dikenakan hukuman di bawah seksyen 24 Akta 342.

<b>Pegawai Diberi Kuasa</b>	
<b>Tandatangan</b>	
<b>Nama</b> :	
<b>Jawatan</b> :	
<b>Tarikh &amp; Masa</b> :	
<b>Pengesahan Menerima Salinan Perintah oleh Kontak yang Diletakkan di bawah Pengawasan dan Pemerhatian</b>	
<b>Nama</b> :	
<b>No.Kad Pengenal/No. Pasport</b> :	
<b>Tarikh &amp; Masa</b> :	
<b>Tandatangan</b> :	

s.k. Pejabat Kesihatan Daerah  
.....

**SENARAI KANAK-KANAK DI BAWAH UMUR 18 TAHUN / ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)  
DI BAWAH JAGAAN**

Saya, ..... [nama]  
 \*No. Kad Pengenalan/No. Pasport.....  
 beralamat di .....  
 dengan ini sesungguhnya mengesahkan bahawa orang-orang yang dinamakan di bawah merupakan  
 kanak-kanak di bawah umur 18 tahun / orang kelainan upaya (OKU) di bawah jagaan saya.

NO.	NAMA	NO KAD. PENGENALAN / MYKid / NO PASPORT

Ditandatangani oleh: .....

Nama: .....

No. K/P: .....

Alamat : .....

No. Telefon bimbit: .....

Tarikh : .....



**MINISTRY OF HEALTH  
MALAYSIA**

**Our Ref.:**

District Health Office / Entry Point Health Office / Hospital  
 .....  
 .....

Telephone No: .....

**To:**

Name: .....

Identification Card / Passport No: .....

Address of Quarantine: .....

.....

Phone no. in Malaysia:.....

Name & phone no. next of kin in Malaysia:.....

Visited country (*if related*):.....

**Order for Surveillance and Observation for Contact of Corona Virus Disease (COVID-19) Under Section 15(1) Prevention and Control of Infectious Disease Act 1988 [Act 342]**

1. To carry out the order under section 15 (1) Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [Act 342], I ....., the Authorized Officer appointed under section 3 of Act 342 hereby order you to undergo surveillance and observation at such place as per above address with conditions as stated in para 2,3,4 and 5 of this order and other conditions as stated in Home Assessment Tool, for ..... days, from ..... (*date order is issued*) till ..... (*date of Day-14 from the date of last exposure / date of arrival from infected area / date the Authorized Officer met you*) or for a period of time as directed by the Authorized Officer (“surveillance and observation period”).

2. You are required to wear a wristband, given by the Authorized Officer during the surveillance and observation period and to ensure the said wristband always in a good condition. If the said wristband is damaged, you are required to inform the nearest District Health Office (DHO) and to get a replacement wristband. You should not remove, cut, or damaged the said wristband. The said wristband can only be removed by the Authorized Officer after you have received a discharged letter under the surveillance and observation order.

3. You are required to download the *MySejahtera* application or any other application fixed by the Government into your smartphone or any other device either registered on your behalf or under your control and shall ensure the mobile phone or the device is always with you and in active mode at all times during the surveillance and observation period. You shall ensure that all information provided in *MySejahtera* application is accurate and correct.

4. While you are placed under the surveillance and observation order, you are required to comply with the order and the conditions stated herein and to monitor your health status using the Home Assessment Tool (Appendix 1) attached together with this order.

5. If you are the legal guardian of a child under the age of eighteen (18) years old or a disabled person (OKU), you shall provide the information of the child under the age of eighteen (18) years old or disabled person in Appendix 2 and to ensure that the person under your care complies with this order and the conditions stated herein.

6. Your failure to comply with this order and the conditions stated herein constitute an offence under section 22 of Act 342 and if convicted may be punishable under section 24 of Act 342.

<b>The Authorized Officer</b>	
<b>Signature</b>	
<b>Name</b> :	
<b>Designation</b> :	
<b>Date &amp; Time</b> :	
<b>Confirmation On Receiving A Copy Of The Order By The Contact Placed Under Surveillance and Observation</b>	
<b>Name</b> :	
<b>IC / Passport No.</b> :	
<b>Date &amp; Time</b> :	
<b>Signature</b> :	

c.c District Health Office

.....

**LIST OF CHILDREN UNDER 18 YEARS OLD / DISABLE PERSONS (OK) UNDER CARE**

I, ..... [nama]  
 \*identity card no./ Pasport no. ....  
 address in .....  
 hereby confirm that the persons named below are children under the age of 18 years old / persons with disabilities under my care.

NO.	NAME	IDENTITY CARD NO. / MYKID NO. / PASPORT NO.

Signature: .....  
 Name: .....  
 IC No:: .....  
 Address: .....  
 Phone no.: .....  
 Date: :.....